

Daripada tradisional ke diplomasi moden

UM- 9/6/2007.

Oleh ASMADY IDRIS

BENTUK interaksi dalam hubungan Malaysia dan Arab Saudi di era pra kemerdekaan lebih berpaksi kepada tradisi keilmuan dan ibadat haji.

Arab Saudi menjadi negara berdaulat pada tahun 1932.

Sebelum merdeka, iaitu ketika Malaysia menjadi Tanah Melayu, rata-rata masyarakat Islamnya telah menjadikan kota Mekah dan Madinah sebagai tempat untuk menimba ilmu dan mengerjakan haji di Baitullah.

'Interaksi tradisional' ini atau apa yang telah disebut oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui tesis beliau (1984) *Tunku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963-1970*, sebagai *ancient relations*, telah berlanjutan berabad-abad lamanya.

Ia bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 (berfungsi sebagai pusat perdagangan dunia dan kebangkitan Islam) ataupun lebih awal.

Bagi rakyat Arab Saudi pula atau masyarakat Arab amnya, interaksi tradisional mereka dengan Tanah Melayu boleh dihubungkan dengan penyebaran agama Islam dan aktiviti perdagangan.

Ini boleh dilihat dengan merujuk kepada fungsi kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang telah berjaya menarik minat ramai pedagang asing dari seluruh pelosok dunia, termasuklah pedagang-pedagang Arab, untuk datang ke Melaka. Selebihnya, Melaka juga bertindak sebagai pusat perkembangan Islam di Asia Tenggara yang secara tidak langsung telah mewujudkan keakraban hubungan masyarakat Islam di Tanah Melayu dengan masyarakat Arab dari Timur Tengah.

Bagaimanapun, pada era ini, penyelidikan-penyelidik terdahulu tidak dapat memberikan gambaran jelas dan terperinci tentang asal usul dan tempat asal masyarakat Arab (khususnya masyarakat Arab dari wilayah yang telah membentuk negara Arab Saudi pada masa kini) yang berkunjung ke Melaka ataupun mana-mana wilayah di Tanah Melayu. Hanya wujud segelintir penulis dan penyelidik seperti Tome Pires (terj. Oleh Armando Cortesao, 1944), H.J. De Graaf (1970), Barbara Watson Andaya (1982), Barbara Watson Andaya & Yoneo Ishii (1999), Zakaria Ali (1994), Muhammad Yusoff Hashim (1992), Mahayudin Haji Yahaya (2001), Mohd. Sohaimi Esa (1999) dan lain-lain lagi yang ada menyebut beberapa wilayah di Timur Tengah, antaranya Hejaz (Mekah dan Madinah), Jeddah, Hadhramaut dan beberapa

pa wilayah lain di Semenanjung Arab.

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, interaksi tradisional tersebut telah bertukar menjadi sebuah hubungan diplomatik moden.

Ini disebabkan oleh perubahan status yang dicapai oleh Tanah Melayu sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka dalam sistem politik antarabangsa moden. Pendek kata, hubungan Tanah Melayu dan Arab Saudi di pasca tahun 1957 adalah sebuah hubungan antara dua buah negara berdaulat. Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman telah membuat kunjungan pertama ke Arab Saudi pada 18 Jun 1958 untuk menunaikan haji dan mengucapkan kesyukuran kepada Allah kerana telah memberikan kemerdekaan yang mutlak kepada Tanah Melayu dan rakyat jelata. Sebuah pejabat konsul Tanah Melayu telah ditubuhkan di Jeddah pada tahun 1958 dan juga Kedutaan Malaysia di Riyadh, Arab Saudi pada tahun 1964.

Siri kunjungan dan lawatan Perdana Menteri Malaysia ke Arab Saudi terus dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua, pada 24 Februari - 3 Mac 1974 dan 27 Januari - 1 Februari 1975 dan kemudiannya disusuli oleh lawatan Tun Hussein Onn ke kerajaan diraja Arab Saudi pada 16 Mei 1976.

Hasil daripada lawatan dan kunjungan ketiga-tiga pemimpin Malaysia ini, kerajaan Arab Saudi telah bermurah hati memberikan bantuan kewangan kepada kerajaan Malaysia bagi kegunaan membantu merencanakan lagi pembangunan sosioekonomi di Malaysia.

Sekitar tahun 1970-an dan awal 1980-an ini juga, hubungan Malaysia dan Arab Saudi lebih bersifat hubungan persaudaraan yang mantap antara Tunku Abdul Rahman dan Raja Faisal (Arab Saudi). Persahabatan kedua-dua pemimpin ini menjadi lebih erat disebabkan oleh cadangan Raja Faisal sendiri yang telah melantik Tunku untuk menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pertama semasa lawatan ke Malaysia pada 7 Jun 1970. Semasa Tunku menjadi Presiden Perkim, pelbagai dana kewangan telah diberikan oleh kerajaan Arab Saudi untuk membantu pertubuhan itu melaksanakan program dan aktiviti keagamaan.

Di era Tun Dr. Mahathir Mohamad, hubungan Malaysia dan Arab Saudi terus berkembang dan telah wujud suatu lembaran baru bagi prospek interaksi kedua-dua buah negara.

Ini kerana, pimpinan Dr. Mahathir ingin melihat supaya bentuk hubungan Kuala Lumpur-Riyadh agar lebih bersifat 'timbal



PENGANUGERAHAN Ijazah Doktor Kehormat Doktor Falsafah kepada Putera Arab Saudi, putera Al-Waleed Talal Abdul Aziz Al-Saud pada satu majlis di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) baru-baru ini membayangkan dimensi baru hubungan kedua-dua negara.



Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, interaksi tradisional tersebut telah bertukar menjadi sebuah hubungan diplomatik moden

balik' (*reciprocal interaction*). Dr. Mahathir telah mewujudkan hubungan dua hala yang lebih seimbang antara Malaysia dan Arab Saudi. Dengan tidak lagi 'terlalu' mengharapkan bantuan kewangan dari Arab Saudi, pimpinan Dr. Mahathir telah menggalakkan syarikat-syarikat ekonomi gergasi Arab Saudi melabur di Malaysia. Hasilnya sejak dari tahun 1998 sehingga tahun 2002, pelaburan negara Arab Saudi dalam projek pembangunan di Malaysia dianggarkan berjumlah sebanyak RM18.6 juta (MIDA, http://www.mida.gov.my/stats_man/2003/march/table2.htm). Selain itu, nilai dagangan Malaysia-Arab Saudi telah meningkat dengan baik iaitu dari RM10.2 juta pada tahun 1960-an (Yearbook of International Trade Statistics, 1960-2003) kepada RM3.6 bilion tahun 2000 ke atas (Yearbook of Internatio-

nal Trade Statistics, 1960-2003). Kadar pelancong Arab Saudi ke Malaysia pula terus meningkat dengan mendadak, hasil daripada promosi aktif oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan juga impak secara tidak langsung tragedi 11 September 2001, dari hanya 9,208 orang pada tahun 1992 kepada 45,007 orang pada tahun 2000 ke atas (Ministry of Tourism, Malaysia).

Dengan pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Abdullah, Perdana Menteri Malaysia kelima, hubungan Malaysia dengan Arab Saudi semakin bertambah makmur dan cemerlang.

Dengan kedudukan Abdullah sebagai Pengerusi OIC, kerjasama Malaysia dan Arab Saudi untuk mencari jalan penyelesaian umat Islam, terutamanya konflik Israel-Palestin, telah dapat ditangani bersama.

Perdana Menteri juga telah menerima jemputan dari kerajaan Arab Saudi untuk membincangkan keganasan ataupun keganasan global pada sidang kemuncak ketua-ketua negara OIC dan seterusnya untuk mempromosi persidangan menentang keganasan antarabangsa yang telah diadakan di Riyadh, Arab Saudi pada 5-8 Februari 2005. Penglibatan aktif Malaysia dan Arab Saudi menentang keganasan global telah bermula sejak pertemuan Abdullah dan Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud di Riyadh, Arab Saudi pada 25 September 2001.

Abdullah juga telah membuat kunjungan rasmi terhadap Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush pada 2004 untuk menerangkan pendirian kerajaan Malaysia terhadap keganasan global.

Sehingga kini, hubungan Malaysia dan Arab Saudi di bawah pimpinan Abdullah bertambah erat. Pelbagai anugerah dan dana kewangan silih-berganti dilakukan oleh kedua-dua buah negara dan terbaru ialah pemberian dua anugerah Ijazah Kehormat kepada Putera Al-Waleed Talal Abdul Aziz Al-Saud (ahli keluarga diraja Arab Saudi dan anak kepada Putera Talal) oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menganugerahkan Ijazah Kehormat dalam Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian dan Pusat Antarabangsa untuk Pendidikan dalam Kewangan Islam (INCEIF) telah memberikan Ijazah Kehormat dalam Undang-Undang.

Manakala, bagi kerajaan Arab Saudi pimpinan Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud (Raja Arab Saudi kini) telah menawarkan 22 biasiswa kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana, Doktor Falsafah (PhD) dan pasca Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Raja Saud. Kerajaan Malaysia juga, melalui Universiti Terbuka Malaysia, telah berjaya mengadakan kerjasama pendidikan *e-learning* dengan Kementerian Pendidikan Tinggi Arab Saudi selama lima tahun yang dianggarkan berjumlah sebanyak RM47 juta.

Mudah kata, hubungan tradisional Malaysia-Arab Saudi yang lebih tertumpu kepada aspek pengajian ilmu dan ibadat haji telah bertukar menjadi sebuah hubungan diplomatik moden yang bersifat dinamik dan mempunyai potensi besar untuk dikembangkan lagi pada masa-masa akan datang.

PENULIS ialah dekan Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS).